

Menganjak Ke Arah Kecemerlangan TVET: Tinjauan Terhadap Kebolehpasaran Graduan Terapi Kecantikan dan Spa di Kolej Komuniti

Siti Salwa Kusairi¹ and Norulaini Mohd Ramly²

¹Unit Terapi Kecantikan dan Spa, Kolej Komuniti Kluang, Jalan 7 Taman Delima, 86000 Kluang, Johor, Malaysia.

²Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan, KM 10 Jalan Kong Kong, 81700 Pasir Gudang, Johor.

ABSTRAK

Pelaksanaan plan strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2018-2025), bagi meningkatkan capaian dalam garis masa yang dirancang, fasa pelaksanaan dibahagikan seperti berikut, fasa satu (2018-2020); memacu peningkatan sistem dan fasa dua (2021-2025); menganjak ke arah kecemerlangan. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti perkembangan TVET sebagai strategi menganjak ke arah kecemerlangan dalam bidang Terapi Kecantikan Dan Spa. Objektif kajian bertujuan untuk mengenal pasti status graduan setelah menamatkan pengajian seperti status pekerjaan. Metodologi yang digunakan ialah kajian kualitatif deskriptif yang memerlukan sampel kajian. Ciri utama pemilihan sampel kajian kuantitatif adalah bertepatan dengan etika kajian yang berasaskan prinsip kesanggupan atau kerelaan hati responden untuk melibatkan diri dalam sesuatu kajian. Saiz sampel empat puluh empat (44) orang yang digunakan berdasarkan saiz populasi terdiri dari lima puluh (50) orang graduan yang telah terlibat menjawab instrumen soal-selidik kajian. Hasil daripada dapatan kajian, graduan cenderung memilih kemahiran SPA sebagai kerjaya yang mempunyai prospek yang meluas dan mempunyai peluang kerjaya yang tinggi. Secara keseluruhan, bidang ini mendapat sambutan daripada golongan wanita pelbagai kaum di Malaysia. Penggemar perkhidmatan SPA, bukan sahaja terdiri dari kalangan wanita, malahan golongan lelaki juga semakin ramai yang mengunjungi SPA bagi tujuan kesihatan dan penampilan diri. Namun, kini masih belum diwujudkan SPA kursus untuk golongan lelaki sebagai satu peluang dan menjadi cabaran baharu dalam bidang TVET.

PENGENALAN

Pelaksanaan plan strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2018-2025), bagi meningkatkan capaian dalam garis masa yang dirancang, fasa pelaksanaan dibahagikan seperti berikut, fasa satu (2018-2020); memacu peningkatan sistem dan fasa dua (2021-2025); menganjak ke arah kecemerlangan. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti perkembangan pendidikan berteraskan *Technical, Vocational Education Training* atau TVET sebagai strategi menganjak ke arah kecemerlangan graduan dalam bidang Terapi Kecantikan dan SPA.

Program Terapi Kecantikan dan SPA adalah satu program yang membolehkan pelajar mendapat pengetahuan dan kemahiran secara teori dan amali. Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi itu nanti dapat membantu menyediakan pelajar ke alam pekerjaan mahupun melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Program sijil mula diperkenalkan di Kolej Komuniti Sungai Petani pada tahun 2013 dan sehingga kini terdapat tambahan sepuluh buah Kolej Komuniti di Malaysia yang menawarkan bidang tersebut. Penawaran bagi Program Diploma Terapi Kecantikan Dan Spa di Kolej Komuniti Sungai Petani tahun 2014 merupakan satu-satunya Kolej Komuniti yang menawarkan program diploma berdasarkan *work based learning* bagi memberi laluan untuk pelajar Kolej Komuniti melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Definisi Perkataan SPA menurut Adilah Hashim (2015), adalah singkatan daripada perkataan *Solus Per Aqua* yang bererti penyembuhan dengan air dalam bahasa Latin, iaitu konsep perawatan yang telah diperkenalkan sejak tahun 400 SM di Rom, pada zaman Hipokrates. Ketika itu, pancutan air panas semula jadi telah digunakan oleh askar-askar untuk merehat dan merawat badan daripada keletihan dan luka selepas perang. SPA telah dijadikan sebagai alternatif bahan terapi penyembuhan menggunakan mata air panas. Mengikut peredaran zaman, SPA berkembang menjadi sebuah pusat kecantikan yang berfungsi untuk merawat tubuh, kesihatan, memberi kesegaran dan nyaman ketika berada didalamnya. SPA merupakan suatu rangkaian produk perawatan yang terdiri daripada terapi seluruh badan (kulit, badan, rambut), pusat rampingan (*slimming centre*), rawatan pemakanan (*dietary*) serta solekan dan andaman. Kini, masyarakat umum di Malaysia semakin menyedari pentingnya hidroterapi dalam meningkatkan tahap kesihatan dan mula menjadikan SPA sebagai salah satu tempat kunjungan utama bagi rawatan kesihatan.

Menurut Laporan Tahunan (2018), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, kurikulum TVET di Kolej Komuniti didorong oleh sektor industri, dapat melengkapkan graduan dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan teknik dan kaedah melaksanakan rawatan kulit muka, spa tangan dan kaki, persolekan profesional, spa badan dan pengurusan spa, mendedahkan pelajar kepada aspek-aspek keusahawan supaya dapat mewujudkan peluang perniagaan dalam bidang yang berkaitan. Selain daripada itu dapat memberi pendedahan kepada graduan mengenai cara komunikasi yang lebih berkesan. Prospek Kerja yang boleh diimplimentasi didalam bidang Terapi Kecantikan dan SPA dalam pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seperti gambar rajah 1 di bawah:



Gambar rajah 1. Prospek kerja dalam bidang Terapi Kecantikan dan Spa dalam PdP di Kolej Komuniti.

Menurut Nor Zamira Othman (2019), kebolehpasaran graduan TVET dapat dipertingkatkan lagi dengan meluaskan jaringan kolaborasi institusi dengan sektor industri termasuk syarikat multinasional melalui kerjasama berimpak tinggi seperti program CEO Fakulti, Industri Dalam Kampus (IOC) dan *Talent Enhancement Programme*. Jaringan kolaborasi ini dapat mempertingkatkan graduan keluaran Kolej Komuniti dalam bidang Terapi Kecantikan dan SPA. Prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan oleh graduan Kolej Komuniti telah membuktikan

bahawa graduan Kolej Komuniti mendapat tempat dan menjadi pilihan majikan dan pihak industri. Graduan juga berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi seperti universiti-universiti yang menawarkan bidang yang berkaitan. Menerusi pendidikan TVET, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam melahirkan lebih ramai 'job creator' (pencipta kerjaya) dikalangan graduan Kolej Komuniti untuk membantu graduan membuka peluang kerjaya kepada golongan belia yang lain. Justeru itu, KPT perlu memperluaskan lagi bidang Terapi Kecantikan dan Spa seperti menawarkan kepada golongan lelaki bagi membolehkan para industri ditanahair untuk mendapatkan tenaga mahir lelaki keluaran graduan TVET.

Pencapaian graduan di peringkat negara dan antarabangsa turut membanggakan dengan begitu banyak kemenangan, pingat dan pengiktirafan diraih melalui pelbagai pertandingan kemahiran, inovasi dan sukan. Antara platform yang telah mengharumkan nama Politeknik dan Kolej Komuniti termasuklah Pertandingan Kemahiran Kolej Komuniti (*MyCCSkills*), Pertandingan *WorldSkills* Malaysia Belia (WSMB), SME Bank, Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT), Pertandingan & Pameran Projek Inovasi atau Penemuan Baru seperti *Innovation and Invention Competition through Exhibition* (iCompEx) peringkat Kebangsaan.

Pernyataan Masalah

Tidak dapat dinafikan pendidikan berteraskan kemahiran di TVET bagi Program Terapi Kecantikan dan SPA di negara ini tidak terkecuali daripada cabaran dalam usaha untuk memperkasakannya secara efektif. Cabaran yang dihadapi ialah mendapatkan kerjasama yang lestari daripada pihak industri bagi membangunkan TVET, mengubah persepsi masyarakat bahawa TVET adalah untuk yang kurang cemerlang atau gagal dalam akademik dan koordinasi yang lebih baik bagi pelbagai penyedia atau kementerian berkaitan TVET.

Menurut kajian Firdatul Akmar Ismail (2019), jadual empat (4) menunjukkan graduan STK bekerja dalam sektor swasta menjadi pilihan utama (66.9%) kerana Ketika itu ekonomi pesat membangun dan kerjaya juruterapi menjadi pilihan hati, seterusnya (18.1%) memilih untuk bekerja sendiri, (8.8%) bekerja dengan keluarga, manakala 3.5% bekerja dalam sektor kerajaan dan selebihnya (2.7%) menjadi majikan. Data ini diambil sebelum *pandemic covid 19* melanda dunia. Terdapat graduan yang mempunyai pengalaman bekerja sebagai tenaga pengajar spa seperti di Giatmara Malaysia dan Kolej Komuniti serta menjadi penata rambut di Qatar.

Walau bagaimanapun pembiayaan yang tinggi merupakan salah satu cabaran yang besar untuk pembangunan, penyelenggaraan dan mengekalkan institusi. Cabaran untuk memperkasakan industri TVET adalah perkembangan pantas teknologi dan bagaimana untuk '*embracing*' Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) dari kemudahan seperti kelengkapan dan peralatan PdP serta pembiayaan kos pengajian pelajar di institusi TVET. Aspek kesediaan pelajar, pensyarah, fasiliti, peruntukan, latihan dan pihak industri itu sendiri. Persekitaran norma baharu akibat pandemik Covid-19, pelaksanaan PdP secara atas talian, pemurnian kurikulum latihan, amali dan praktikal kemahiran turut menjadi cabaran bagi TVET.

Objektif Kajian

Bagi merealisasikan kajian ini, terdapat dua objektif kajian iaitu:


1. Menenal pasti status graduan setelah menamatkan pengajian seperti status pekerjaan;
2. Mengenalpasti kebolehpasaran graduan TVET Program Terapi Kecantikan dan SPA.

METODOLOGI

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan kajian kuantitatif instrument soal-selidik kepada responden. Seterusnya data daripada soal-selidik dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) yang memerlukan sampel kajian yang terdiri daripada graduan Kolej Komuniti dari beberapa buah Kolej yang menawarkan bidang Terapi Kecantikan dan Spa. Skala Likert 1 hingga 5 digunakan sebagai pengukuran tahap penilaian responden pada setiap item soal-selidik yang diberikan. Ciri utama pemilihan sampel kajian kuantitatif adalah secara rawak dan menggunakan *Google Forms*. Ini adalah bertepatan dengan etika kajian yang berasaskan prinsip kesanggupan atau kerelaan hati responden untuk melibatkan diri dalam sesuatu kajian. Saiz sampel empat puluh empat (44) yang digunakan berdasarkan populasi terdiri dari lima puluh (50) orang graduan yang telah terlibat menjawab instrumen soal-selidik kajian yang dijalankan oleh penyelidik.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 Purata Responden Menjawab Soal-Selidik yang Telah Dijalankan



Jadual 1 di atas menunjukkan purata responden menjawab soal selidik yang telah dijalankan mengikut kata kunci bagi berdasarkan item soalan soal-selidik. Purata nilai terendah bagi item kata kunci “Melanjutkan” 1.02 yang menunjukkan pelajar tidak berminat untuk menawarkan bidang terapi kecantikan dan SPA kepada ahli keluarga terdekat. Manakala item kedua terendah pula diikuti oleh kata kunci “ICT” 3.64 yang mewakili item soalan Kemudahan ICT di kampus yang tidak lengkap dan perlu dipertingkatkan lagi kemudahan kepada bidang ini. Seterusnya item soalan ketiga terendah adalah bagi kata kunci “Kafeteria” 3.88 mewakili item soalan kemudahan kafeteria/ kantin dan dewan makan yang perlu dinaik taraf dan lebih kondusif kepada graduan di Kolej Komuniti. Item untuk pekerjaan, nilai purata 4.2 graduan mendapat tempat dan peluang

kerjaya di industri daripada nilai purata 5. Ini juga menunjukkan graduan Terapi Kecantikan dan Spa diterima di industri bagi memenuhi pasaran pekerjaan.

Bagi purata nilai tertinggi untuk kebolehpasaran terhadap bidang terapi kecantikan dan SPA adalah bagi kata kunci “Kemudahan” sebanyak 4.7 yang mewakili item soalan Kemudahan dewan kuliah/ bilik tutorial yang menjelaskan bahawa kemudahan untuk dewan kuliah dan bilik tutorial kelas amali sangat kondusif dan efisien bagi pelajar belajar. Item soalan bagi kata kunci “Kemahiran” 4.68 adalah kedua tertinggi mewakili bagi item soalan “Kemahiran secara amali” sangat baik dan menarik yang dilaksanakan di Kolej Komuniti. Purata nilai ketiga tertinggi adalah bagi kata kunci “Makmal” 4.66 bagi item soalan untuk “Makmal komputer, sains), makmal SPA dan Studio SPA”. Ini menunjukkan pelajar sangat selesa dan dapat melaksanakan amali dalam bidang terapi kecantikan dan SPA dengan selasa dan kondusif semasa mengikuti pengajian di Kolej Komuniti. Manakala bagi kata kunci item yang lain-lain dalam soal selidik ini mempunyai nilai purata sederhana antara nilai purata tertinggi dan yang terendah.

KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian, mendapati bahawa graduan TVET mempunyai permintaan yang tinggi terhadap tenaga mahir kepada perniagaan jenis butik kecantikan dan produk kecantikan. Selain daripada itu, kebanyakan pelajar cenderung memilih kemahiran SPA sebagai kerjaya yang mempunyai prospek yang meluas dan tinggi pada masa kini. Industri pusat kecantikan dan SPA menjadi keperluan orang ramai pada masa kini terutamanya kepada golongan wanita yang bekerja yang mahukan penampilan diri sentiasa cantik dan kemas.

RUJUKAN

- [1] Azreen Bin Jafaar, Lenny Lai Mei Lan, Faridah Binti Musi. (2019). Kebolehpasaran graduan dalam bidang keusahawanan. *Prosiding Kajian Pengesanan Graduan TVET Politeknik Dan Kolej Komuniti: Graduan Tvet Memenuhi Keperluan Industri*. 1-5.
- [2] Firdatul Akmar Binti Ismail. (2019). Sijil Terapi Kecantikan dan Spa: Peratusan Graduan Bekerja Dalam Bidang Mengikut Kolej Komuniti di Malaysia. *Prosiding Kajian Pengesanan Graduan Tvet Politeknik Dan Kolej Komuniti: Graduan Tvet Memenuhi Keperluan Industri*. 18- 22.
- [3] Adila Hashim. (2016). Perniagaan Butik Kecantikan, Spa Dan Kesihatan. *Maktab Koperasi Malaysia Zon Selatan*.
- [4] Nor Zamira Binti Othman, Siti Farah Binti Hussin. (2019). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Tahap Kebolehpasaran Graduan Mengikut Bidang di Politeknik Mersing. *Liga Ilmu Serantau*.
- [5] Buku Pelan Strategik JPPKK 2018-2025. (2018). *Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia*.